



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan rakyat Negeri Johor atau warga Negara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Labis** sebagaimana berikut:

- (a) Gelaran Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
- (b) Gred : N1
- (c) Kementerian/Jabatan : Majlis Daerah Labis
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- (e) Kump. Perkhidmatan : Pelaksana
- (f) Taraf Jawatan : Tetap / Kontrak (interim)
- (g) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

- (h) Elaun -Elaun
- Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam RM 115.00
- Imbuhan Tetap Perumahan RM 300.00
- Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) RM 200.00
- (i) Kekosongan : 1 Kekosongan

(j) Syarat Lantikan

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau

- (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau

- (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

2) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

- (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3) Program Transformasi Minda/Peperiksaan

- (a) Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

4) Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan:
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

5) Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

6) Cara Permohonan Dan Syarat-Syarat

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan harga RM1.00 satu set di Pejabat Majlis Daerah Labis atau dengan memuat turun borang di Laman Web www.mdlabis.gov.my atau Facebook rasmi kami iaitu **Majlis Daerah Labis – Rasmi**.
- (b) Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS, JOHOR**

- (c) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:
- (i) Kad pengenalan diri yang telah disahkan;
 - (ii) Sijil kelahiran yang telah disahkan;
 - (iii) Sijil Berhenti Sekolah dan sijil persekolahan yang telah disahkan;
 - (iv) Kelulusan akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
 - (v) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika Diploma/Ijazah sebenar masih belum diterima);
 - (vi) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran 'passport'.
 - (vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada) yang telah disahkan.
- (d) Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- (g) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- (h) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti dalam iklan akan **DITOLAK** serta-merta.
- (i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (j) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.

- (k) Pihak Pentadbiran Majlis Daerah Labis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS
HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN
(KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU
PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.**

(l) Tarikh Tutup Permohonan : 31 Oktober 2025